

TEKS UCAPAN

**YB. DATUK DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

PERASMIAN PROGRAM KIMIA KE DESA 2015

**SMK ISKANDAR SHAH, JASIN, MELAKA
SABTU, 3 OKT 2015, 10:00 PAGI**

[Senarai salutsasi tertakluk kepada pengesahan kehadiran]

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Selamat Pagi dan Salam 1Malaysia

YANG BERHORMAT DATUK HAJI GHAZALE MUHAMAD
Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim, Jasin, Melaka

YANG BERUSAHA TUAN HJ. ISMAIL BIN TALIB
Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia

YANG BERUSAHA DR. SILVERRAJI A/L SAMIVELOO
Pengarah Jabatan Kimia Malaysia Cawangan Melaka

YANG BERUSAHA TUAN HJ ZOLKAPLY HJ YUNUS
Pengetua, SMK Iskandar Shah

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Melaka

Pegawai-Pegawai dan Guru-guru SMK Iskandar Shah, Jasin

Wakil-wakil media,

Tuan-tuan, puan-puan serta para pelajar yang dikasihi sekalian.

Saya amat bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya, pada pagi ini kita dapat hadir bersama di majlis yang cukup bermakna dan meriah ini, iaitu **Majlis Perasmian *Program Kimia Ke Desa* di Sekolah Menengah Kebangsaan Iskandar Shah, Jasin, Melaka.**

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur iaitu Jabatan Kimia Malaysia (JKM) kerana menjemput saya untuk merasmikan Program Kimia Ke Desa ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan selamat datang kepada semua yang hadir pada hari ini bagi menjayakan program ini.

3. Seterusnya, ucapan **tahniah kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Iskandar Shah, Jasin Melaka telah dipilih untuk menyertai program anjuran Jabatan Kimia Malaysia**, iaitu satu jabatan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Program ini **bertujuan untuk mendekatkan Kerajaan dengan rakyat melalui program-program anjuran jabatan serta agensi MOSTI.**

Hadirin sekalian,

4. Dahulunya, perkhidmatan-perkhidmatan yang bersifat **sains, khususnya, bidang kimia, jarang mendapat perhatian oleh orang ramai.** Jabatan Kimia pula selalu dikaitkan dengan **ujian-ujian forensik** bagi membantu pihak polis dalam kes-kes jenayah. Pada hal, skop perkhidmatan mereka lebih dari itu dan amat penting dalam kehidupan seharian kita.

5. Jabatan Kimia juga terlibat dalam **melindungi kepentingan pengguna dan memastikan keselamatan pekerja** tetapi kurang difahami oleh orang ramai dan juga pihak industri. Contohnya,

kandungan bahan dalam makanan dan minuman serta tahap kualiti produk yang dihasilkan oleh syarikat pengeluar makanan atau minuman akan dianalisis di makmal-makmal supaya ia mematuhi speksifikasi yang dibenarkan oleh undang-undang negara.

6. Analisis makmal yang dijalankan oleh Jabatan Kimia ini bertujuan **memastikan makanan atau minuman yang diproses atau dijual tidak memudaratkan pengguna**. Ini hanyalah satu contoh yang dapat saya kongsi di sini. Banyak lagi contoh-contoh lain yang tuan-tuan dan puan-puan serta pelajar-pelajar sekalian dapat pelajari dari pameran yang sedang berlangsung sekarang. Oleh itu, saya amat berharap supaya program ini dapat dimanfaatkan oleh penduduk di Daerah Jasin ini, khususnya, pelajar-pelajar sekolah di sekitar Daerah Jasin ini sendiri.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. **MOSTI merupakan sebuah Kementerian yang menerajui agenda sains, teknologi dan inovasi (STI) negara**. Agenda ini merupakan salah satu agenda pembangunan negara dan pelbagai program telah diatur sebagai pengisian **Dekad Inovasi (2010-2020)**. Dan **matlamat agenda STI negara ialah supaya Malaysia muncul sebagai sebuah negara yang juga maju sains (*scientifically advance nation*) menjelang 2020**.

8. Sehubungan itu, Kementerian kami akan terus memberikan galakan dan bantuan kepada setiap golongan masyarakat termasuk di peringkat akar umbi dalam **meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di negara ini**. Selain daripada **menjana ilmu pengetahuan (*knowledge generation*)**, lebih penting lagi pelaburan

awam dalam aktiviti R&D diharap akan menyumbang kepada **penjanaaan kekayaan (*wealth creation*)** dan **meningkatkan kesejahteraan rakyat (*societal well-being*)**.

9. Saya percaya **tanpa asas sains dan teknologi yang kukuh, kita tidak akan berupaya mereka cipta dan menginovasi ke peringkat yang lebih tinggi**. Kita tidak mahu negara yang kita cintai ini hanya menjadi pengguna teknologi atau inovasi sahaja, walhal kita berpotensi dan berkebolehan untuk mencipta dan menjadi pengeluar teknologi.

Hadirin sekalian,

10. **Usaha mempertingkatkan kesedaran dan minat masyarakat terhadap STI tidak seharusnya berhenti setakat peringkat sekolah, khususnya, di kalangan pelajar-pelajar sahaja**. Kerjasama strategik dengan pelbagai agensi seperti institut penyelidikan, universiti, kementerian serta lain-lain jabatan telah, sedang dan akan sentiasa diteruskan.

11. Di sepanjang Dekad Inovasi ini, MOSTI serta agensi-agensi di bawahnya telah menyusun program-program tahunan seperti **Karnival Kreativiti dan Science 4U, Program Kimia ke Desa dan Jejak Ikon Saintis** sebagai menyokong usaha ini. Program-program ini memberi manfaat kepada pelbagai golongan individu seperti pelajar, belia, kanak-kanak, wanita, pertubuhan bukan kerajaan dan anggota masyarakat sama ada di bandar atau kawasan pendalaman.

12. Untuk makluman para hadirin sekalian, **Program Kimia ke Desa mula dianjurkan pada bulan Mei 2013 di Felda Tun Ghafar, Bukit Senggeh, Melaka**. Pelbagai program interaktif yang menarik telah

diadakan dan ianya berjaya mendapat sambutan yang baik dan memberangsangkan. Program ini telah mendapat sambutan dan maklumbalas yang positif dan susulan daripada kejayaan program tersebut, pihak MOSTI sekali lagi memilih Jabatan Kimia Malaysia, Cawangan Melaka untuk menganjurkan Program Kimia ke Desa di SMK Iskandar Shah, Jasin.

13. Seperti mana saya maklumkan tadi, objektif **Program Kimia ke Desa** ini bukan hanya sekadar untuk memupuk minat masyarakat dalam bidang **STI** khususnya sains kimia. Selain daripada memberi pendedahan kepada peranan dan fungsi Jabatan Kimia Malaysia dalam menguatkuasakan undang-undang demi kelestarian alam dan kesejahteraan rakyat, **Program ini diharap dapat mengeratkan hubungan mesra dan silaturrahim antara kakitangan Jabatan Kimia khasnya dan MOSTI amnya** dengan masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

14. Sebagai **penutup**, saya ingin merakamkan ucapan tahniah sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran Program ini -----Jabatan Kimia Malaysia, Cawangan Melaka dan khasnya kepada Ketua Pengarah Jabatan Kimia Malaysia; pihak pengurusan Sekolah Menengah Kebangsaan Iskandar Shah, Jasin ini, khasnya kepada Pengetua, guru-guru dan seluruh warga sekolah, termasuk pelajar-pelajar atas kesudian dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan program ini. Terima kasih dan penghargaan tidak terhingga juga kepada semua yang sudi hadir untuk menjayakan majlis ini serta mengambil bahagian dalam program-program yang dirancang.

15. Semoga dengan kerjasama para hadirin sekalian, hasrat kerajaan untuk mentransformasikan negara kita sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi akan tercapai.

16. **DENGAN HARAPAN TERSEBUT DAN JUGA LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN PROGRAM KIMIA KE DESA, JASIN, MELAKA.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

###